

SOALAN - SOALAN LAZIM (eDAFTAR)

- S1 : Adakah saya perlu membuat pengesahan setuju terima tawaran?
J1 : *Ya, anda perlu membuat pengesahan setuju terima tawaran mengikut tarikh yang ditetapkan semasa semakan hebahan keputusan permohonan untuk membolehkan anda meneruskan proses pra pendaftaran dalam talian, eDaftar (<https://new-intake03.utm.my>)*
- S2 : *Apakah yang saya perlu lakukan jika menerima tawaran?*
J2 : *Sila rujuk Panduan Pendaftaran Pelajar di sistem pra pendaftaran, eDaftar*
- S3 : *Apakah kesannya jika saya tidak mendaftar pada tarikh pendaftaran yang ditetapkan?*
J3 : *Tawaran kemasukan akan terbatal kecuali mendapat kebenaran bertulis dari pihak Universiti.*
- S4 : *Bolehkah saya membuat rayuan pertukaran program pada semester satu (1)?*
J4 : *Keputusan tawaran adalah muktamad. Sebarang pertukaran program/ universiti adalah tidak dibenarkan.*
- S5 : *Apakah saya harus lakukan sekiranya pra pendaftaran saya di eDaftar berstatus TIDAK SELESAI?*
J5 : *Anda perlu hadir ke Blok F54 bagi pelajar UTM Johor Bahru atau Kolej Siswa Jaya bagi pelajar UTM Kuala Lumpur pada hari pendaftaran fizikal untuk menyelesaikan proses pra pendaftaran di Sistem eDaftar bagi membolehkan anda menerima QR Kod untuk mendaftar di Kolej Kediaman.*
- S6 : *Apakah implikasi sekiranya saya gagal Ujian Rabun Warna?*
J6 : *Anda perlu hadir ke Blok F54 bagi pelajar UTM Johor Bahru atau Kolej Siswa Jaya bagi pelajar UTM Kuala Lumpur semasa hari pendaftaran fizikal untuk pengesahan Ujian Rabun Warna sebelum mendaftar di Kolej Kediaman. Sekiranya anda disahkan gagal Ujian Rabun Warna, anda adalah diminta untuk membuat pertukaran pengajian yang tidak melibatkan syarat Rabun Warna.*
- S7 : *Bagaimana jika saya tidak dapat menyelesaikan bayaran yuran pendaftaran sebelum hari pendaftaran?*
J7 : *Anda disarankan untuk membuat bayaran penuh yuran pendaftaran sebelum hari pendaftaran. Sila emel ke bendahari-ukp@utm.my (nyatakan nama penuh & no. Kad pengenalan pelajar) atau hubungi no. hotline Seskyen Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari di 07-55 30235 / 30152 / 30597 atau 03-3615 4303 sekiranya menghadapi masalah atau pertanyaan berkaitan yuran pendaftaran.*
- S8 : *Adakah semua dokumen yang dimuat naik di Sistem eDaftar perlu disahkan?*
J8 : *Ya. Kesemua dokumen yang dimuat naik di Sistem eDaftar perlu disahkan kecuali borang-borang pendaftaran. Anda hendaklah memastikan semua dokumen yang dimuat naik adalah mengikut kategori yang ditetapkan.*
- S9 : *Apakah tindakan yang perlu dibuat selepas selesai mendaftar di Kolej Kediaman?*
J9 : *Anda perlu menonton video Minggu Mesra Mahasiswa (MMM) di bahagian Freshies' Guide dalam aplikasi UTMSmart).*
- S10 : *Apakah yang perlu saya bawa semasa hari pendaftaran?*
J10 : *Anda perlu membawa duit saku yang berpatutan untuk membeli keperluan harian, peralatan kuliah dan buku. Selain itu, bantal dan sarung bantal, cadar, kasut dan pakaian sukan, kasut dan pakaian formal, kelengkapan solat/sejadah, baldi, sabun dan sebagainya juga perlu dibawa bersama. (Maklumat lengkap sila rujuk bahagian Freshies's Guide dalam aplikasi UTMSmart).*

SOALAN - SOALAN LAZIM (eDAFTAR)

S11 : : Dimana saya perlu rujuk jika terlewat dari masa yang ditetapkan untuk pendaftaran?

J11 : *Anda perlu emel ke ugintake@utm.my atau hadir ke Blok F54 bagi pelajar UTM Johor Bahru atau Kolej Siswa Jaya bagi pelajar UTM Kuala Lumpur untuk pertanyaan lanjut. Walau bagaimanapun anda dinasihatkan supaya hadir mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan di dalam surat tawaran bagi mengelakkan sebarang kesulitan.*

S12 : : Bagaimana urusan pemeriksaan kesihatan pelajar baharu?

J12 : *Semua pelajar baharu UTM diwajibkan mengisi maklumat mengenai penyakit diri dan keluarga di dalam sistem eDaftar dan membuat pemeriksaan kesihatan di Pusat Kesihatan UTM selepas mendaftar mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan (Rujuk aplikasi UTMSmart). Pelajar yang sedang menjalani rawatan atau menghidap sebarang masalah kesihatan yang memerlukan perhatian dikehendaki muat naik laporan rawatan doktor yang sedang merawatnya di menu Muat Naik Dokumen dalam sistem eDaftar.*

S13 : : Sebagai pelajar baharu, bolehkah saya membawa kenderaan sendiri?

J13 : *Tidak dibenarkan. Semua pelajar baharu hendaklah menggunakan perkhidmatan bas yang disediakan oleh Universiti.*

S14 : : Apakah pakaian yang sesuai semasa pendaftaran?

J14 : *Sila rujuk maklumat di bahagian Freshies Guide dalam aplikasi UTMSmart.*

S15 : : Keluarga saya ingin turut serta menghantar saya pada hari pendaftaran. Di manakah penginapan yang terdekat dengan UTM untuk keluarga saya menginap?

J15 : *Anda boleh merujuk senarai hotel yang berhampiran dengan UTM dalam aplikasi UTMSmart.*

S16 : : Adakah Pelekat Kenderaan perlu cetakan warna?

J16 : *Anda adalah digalakkan untuk membuat cetakan bersaiz A4 dan berwarna untuk dipaparkan di atas dashboard kenderaan, namun cetakan hitam putih juga diterima.*

FREQUENTLY ASKED QUESTION (eDaftar)

Q1 : Do I need to confirm my acceptance of the offer?

A1 : *Yes, you need to confirm your acceptance of the offer by the date specified during the application result announcement in order to proceed with the online pre-registration process, eDaftar (<https://new-intake03.utm.my>)*

Q2 : What should I do if I receive the offer?

A2 : *Please refer to the Student Registration Guide in the online pre-registration system, eDaftar.*

Q3 : What will happen if I do not register on the specified registration date?

A3 : *The admission offer will be canceled unless written permission is obtained from the University.*

Q4 : Can I appeal for a change of program in the first (1st) semester?

A4 : *The admission decision is final. Any change of program or university is not allowed*

Q5 : What should I do if my pre-registration status in eDaftar is INCOMPLETE?

A5 : *You are required to be present at Block F54 for UTM Johor Bahru students or Kolej Siswa Jaya for UTM Kuala Lumpur students on the physical registration day to complete the pre-registration process in the eDaftar System in order to obtain the QR Code for registration at the Residential College.*

Q6 : What are the implications if I fail the color blindness test?

A6 : *You are required to be present at block F54 for UTM Johor Bahru students or Kolej Siswa Jaya for UTM Kuala Lumpur students during the physical registration day for the verification of the Colour Vision Test prior to registering at the Residential College. If you are confirmed to have failed the Colour Vision Test, you will be required to apply for a change of programme to one that does not involve a colour vision requirement.*

Q7 : What if I cannot complete the payment of registration fees before the registration day?

A7 : *You are advised to make full payment of the registration fees before the registration day. Please email bendahari-ukp@utm.my (state the student's full name and identification card number) or contact the Student Financial Section, Bursary Department at 07-55 30235 / 30152 / 30597 or 03-3615 4303 if you encounter any issues or have inquiries regarding the registration fees at Universiti Teknologi Malaysia.*

Q8 : Do all documents uploaded to the eDaftar system need to be verified?

A8 : *Yes. All documents uploaded to the eDaftar system must be verified except for registration forms. You must ensure that all uploaded documents are in accordance with the specified category.*

Q9 : What do I need to do after completing the registration at the Residential College?"

A9 : *You are required to watch the Minggu Mesra Mahasiswa (MMM) video in the Freshies' Guide section of the UTMSmart application by Universiti Teknologi Malaysia.*

Q10 : What should I bring during the registration?

A10 : *You are advised to bring a reasonable amount of pocket money to purchase daily necessities, study supplies, and books.. In addition, pillows and pillowcases, bed sheets, sports shoes and attire, formal shoes and clothing, prayer items, buckets, soap and etc. (For complete information, please refer to the Freshies' Guide, UTMSmart)*

Updated 27 February 2026

FREQUENTLY ASKED QUESTION (eDaftar)

Q11 : Where should I refer to if I am late for the scheduled registration time?

A11 : You are required to email ugintake@utm.my or be present at Block F54 for UTM Johor Bahru students or Kolej Siswa Jaya for UTM Kuala Lumpur students for further inquiries. However, you are advised to attend according to the date and time stated in the offer letter to avoid any inconvenience.

Q12 : How is the health examination process for new students?

A12 : All new UTM students are required to fill in information regarding personal and family medical history in the eDaftar system and undergo a medical check-up at the UTM Health Centre after registration according to the date and time specified (refer to the UTMSmart application). Students who are currently undergoing treatment or have any health problems that require attention are required to upload the medical report from their attending doctor in the Upload Document menu in the eDaftar system.

Q13 : Can new students bring their own vehicle?

A13 : Not permitted. All new students are required to use the bus services provided by the University.

Q14 : What is the appropriate attire during registration?

A14 : Please refer to the information in the Freshies' Guide, UTMSmart.

Q15 : My family would like to accompany me on the registration day. Where is the closest accommodation to UTM for my family to stay?

A15 : You can refer to the list of hotels near UTM in UTMSmart.

Q16 : Do Vehicle Stickers require color printing?

A16 : You are encouraged to print in A4 size and in color to be displayed on the vehicle dashboard, however black and white printouts are also accepted.